

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU****PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2012****02/2****TINGKATAN TIGA****BAHASA MELAYU****Kertas 2****Ogos****2 jam****Dua jam****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian : Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Disediakan oleh:  
Guru AKRAM Terengganu

Dengan kerjasama:  
MPSM Negeri Terengganu

Dibiayai oleh:  
Kerajaan Negeri Terengganu

**TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

Dicetak oleh:  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

<http://gudangsoalan.blogspot.com>  
Bahagian A(i) : Ringkasan

[ 20 markah ]

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang usaha-usaha menangani wabak denggi di negara kita. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Mutakhir, negara tidak putus-putus didedahkan dengan berita kematian yang membabitkan penyakit demam denggi. Hal ini ternyata mengancam ketenteraman masyarakat sejagat kerana masalah nyamuk *Aedes* umpama barah yang tiada penawarnya. Walau bagaimanapun, masalah ini boleh dikurangkan sekiranya setiap lapisan masyarakat berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya demi kemaslahatan bersama.

Setiap pihak seharusnya merancang pelbagai langkah dalam menangani masalah yang semakin menular ini. Salah satu usaha yang boleh dijayakan oleh penduduk adalah dengan mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan. Aktiviti ini bukan sahaja dapat membersihkan kawasan yang bersemak samun tetapi secara tidak langsung juga dapat mengeratkan perpaduan. Pihak-pihak berwajib juga boleh menyumbang jasa dengan melakukan penyemburan secara percuma di kawasan yang terlibat. Pada masa yang sama kita juga seharusnya memberikan kerjasama kepada pihak yang datang menyembur racun atau "fogging" di kawasan perumahan. Sebagai contohnya, pintu dan tingkap hendaklah ditutup bagi mengelakkan asap semburan itu masuk ke dalam rumah.

Berdasarkan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, kompaun maksimum RM500 boleh dikenakan kepada pemilik premis yang membiarkan premis mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Kadar ini dilihat masih rendah dan belum menggerunkan pemilik premis. Lantaran itu, kerajaan disyorkan agar nilai kompaun patut dinaikkan kepada satu nilai yang lebih tinggi. Hal ini penting untuk memberikan pengajaran kepada mereka yang terbabit. Serentak dengan itu, Kempen Pencegahan Denggi harus digiatkan untuk menyedarkan masyarakat.

Peranan ibu bapa juga amat penting dalam usaha menangani wabak ini. Ibu bapa haruslah memastikan anak-anak berpakaian lengkap semasa melakukan aktiviti di luar rumah pada waktu petang. Hal ini penting untuk melindungi kulit. Anak-anak juga perlu dinasihati agar membersihkan diri dengan baik selepas terdedah dengan kuman-kuman ketika bermain di luar. Pendidikan awal amat perlu bagi anak-anak selaras dengan peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungunya. Sementelahan itu, ibu bapa juga hendaklah bertindak segera sekiranya anak-anak didapati mempunyai simptom-simptom denggi. Mereka yang dijangkiti virus ini biasanya akan diserang demam panas yang mengejut. Selain itu, terdapat juga bintik-bintik merah dan sakit sendi di seluruh badan pesakit. Jika keadaan ini dibiarkan tidak mustahil boleh membawa maut.

Tuntasnya, pembanterasannya nyamuk *Aedes* memerlukan perubahan sikap yang menyeluruh dalam kalangan masyarakat. Setiap individu perlu bertanggungjawab dan memainkan peranan yang aktif demi menyelamatkan nyawa sendiri, keluarga dan masyarakat.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Rencana 'Denggi: Musuh Yang Dipandang Ringan' Oleh Naim Yaakob.)

**BAHAGIAN A (ii): Pemahaman**

[ 10 markah ]

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.


1. Berikan maksud rangkai kata *menyumbang jasa* dalam petikan. [ 2 markah ]
2. Apakah simptom-simptom pesakit yang menghidap demam denggi? [4 markah ]
3. Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan wabak denggi mudah merebak? [ 4 markah ]

<http://gudangsoalan.blogspot.com>

**Bahagian B**

[20 markah]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan sungai kepada manusia. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



<http://gudangsoalan.blogspot.com>

**Bahagian C****[40 markah]**

***Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.***

1. Pasukan permainan sekolah yang anda wakili telah mengalami kekalahan dalam pertandingan di peringkat daerah.

Cadangkan langkah-langkah untuk memperbaiki kelemahan pasukan anda sebagai persiapan untuk pertandingan pada tahun hadapan.

2. Guru merupakan golongan insan yang perlu dihormati.

Huraikan cara-cara untuk menghormati guru anda.

3. Anda akan menyertai pertandingan syarahan anjuran Jabatan Kesihatan Daerah. Tajuk syarahan yang anda pilih ialah "Peranan ibu bapa penting untuk memupuk amalan gaya hidup sihat dalam keluarga."

Tulis teks syarahan tersebut selengkapnya.

4. Kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat pada setiap tahun.

Huraikan peranan kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan.

5. Peribahasa 'Seperti kacang lupakan kulit' memberikan nasihat supaya jangan melupakan jasa insan yang pernah menolong kita.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

**Bahagian D**

[ 10 markah ]

Jawapan mestilah berdasarkan *satu* novel yang telah anda kaji dalam Tingkatan 2 atau Tingkatan 3 seperti yang berikut.

- (i) *Lestari Bukit Menghijau* karya Syed Mahdzir
- (ii) *6:20* karya Siti Jasmina bt Ibrahim

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan **tiga** persoalan beserta contoh yang sesuai.

**KERTAS SOALAN TAMAT**